

Prosiding “Seminar Pembangunan Modal Insan 2009”, Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pada: 23 – 24 Mac 2009. Tempat: Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.

## KEPIMPINAN PENDIDIKAN DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

DR. BAHAROM MOHAMAD

Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

[baharom@uthm.edu.my](mailto:baharom@uthm.edu.my)

DR. MOHAMAD JOHDI SALLEH

Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa

[johdi@iium.edu.my](mailto:johdi@iium.edu.my)

### Abstrak

Kepimpinan merupakan aspek yang penting dalam membentuk sesuatu organisasi bagi mencapai matlamat, visi, misi dan objektif yang diharapkan oleh sesebuah organisasi. Dalam tajuk ini, ia akan membincangkan mengenai kepimpinan pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pembangunan modal insan menjurus kepada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Malah, dalam tajuk ini kita akan membincangkan, kepentingan, gaya dan ciri-ciri kepimpinan yang sebenar. Kemudian kita akan lihat pula pembangunan modal insan dalam pendidikan di Malaysia serta fokus pembangunan modal insan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Tajuk ini juga akan membincangkan persekitaran pembelajaran dalam modal insan, bagi melahirkan masyarakat yang berinovasi dan kreatif. Akhir sekali tajuk ini akan membincangkan kepimpinan dalam persekitaran modal insan yang memerlukan usaha yang lebih kuat bagi pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam membentuk dan menghasilkan sumber manusia yang selari dengan perubahan persekitaran dan matlamat negara ke arah merealisasikan wawasan 2020 dan RMK-9 di Malaysia.

**Kata kunci:** Kepimpinan; Pendidikan; Modal Insan; Etika Profesional.

### 1. Pendahuluan.

Program-program yang melibatkan pembangunan sumber manusia dalam pendidikan dan latihan kemahiran di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia adalah bertujuan melahirkan tenaga kerja mahir serta separa mahir yang berkualiti. Program-program seperti ini dapat mengeluarkan warganegara berdisiplin, mempunyai nilai moral tinggi dan beretika kerja yang baik. Keterampilan sedemikian dapat memenuhi keperluan tenaga manusia yang kian meningkat lantas menjadi satu tanggungjawab yang perlu dipikul bersama. Akauntabiliti ini turut terserlah kepada warga pendidik terutama pengetua atau guru besar yang merupakan orang paling berpengaruh untuk memimpin amanah dalam melaksanakan aspirasi ini di sekolah.

Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan Tinggi perlu menjurus kepada keperluan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), iaitu menitikberatkan pembangunan modal insan seperti mendapatkan pendidikan akedemik yang sempurna, tinggi nilai akhlaknya serta cergas fizikalnya. Oleh yang demikian melalui pengurusan dan kepimpinan yang berkesan, ia akan membantu dalam pembangunan modal insan dalam pendidikan di Malaysia. Sebelum kita membincangkan dengan lebih lanjut mengenai tajuk ini. Kita lihat definisi yang kepimpinan.

### 2. Definisi Kepimpinan

Kepimpinan boleh ditakrifkan dalam pelbagai aspek yang berbeza. Pertama, menurut Yaakob (1989) kepimpinan perlu melibatkan orang lain. Dalam erti kata lain subordinat atau pengikut. Ini berikutan kesediaan subordinat menerima arahan dari pemimpin, para kumpulan membantu dalam mewujudkan status pemimpin dan menjadikan proses kepimpinan dapat

diwujudkan. Kedua, kepimpinan juga akan melibatkan pembahagian kuasa yang tidak sama di kalangan para pemimpin dan juga anggota kumpulan. Ini bermaksud bahawa pemimpin mempunyai autoriti untuk mengarah anggota kumpulannya. Ketiga, kepimpinan boleh didefinisikan dalam pendidikan sebagai keupayaan mempengaruhi, memotivasikan, mengubah sikap dan tingkah laku subordinat seperti guru, staf dan pelajar supaya melaksanakan aktiviti atau program yang telah ditetapkan bagi mencapai matlamat sekolah. (Yahya Don, 2005).

Dalam erti kata lain, kepimpinan tidak dapat dipisahkan daripada subordinat dan pandangan subordinat perlu dilihat dan dinilai untuk mendapatkan keputusan yang menyeluruh dan berkesan.

### **3. Ciri-ciri Kepimpinan**

Sebagai seorang pemimpin terdapat tiga pendekatan utama dalam ciri-ciri kepimpinan iaitu, sifat, perilaku dan luar jangkaan. Ciri pertama adalah gabungan-gabungan sifat-sifat. Manakala ciri kedua pula adalah perilaku-perilaku perorangan yang dikaitkan dengan kepimpinan yang efektif. Kedua-dua ciri ini mempunyai persamaan iaitu kedua-duanya mengandaikan bahawa individu-individu yang mempunyai sifat-sifat atau perilaku-perilaku yang bersesuaian akan muncul sebagai pemimpin dalam apa pun situasi kumpulan di mana mereka berada (Hizam, Jaafar dan Zafir, 2000).

Pemikiran dan penyelidikan semasa akan lebih condong kepada pendekatan yang ketiga, iaitu ciri situasi tentang kepimpinan. Ciri ini mengandaikan bahawa keadaan-keadaan yang menentukan keberkesanan pemimpin berbeza mengikut situasi seperti mengikut tugas-tugas yang akan disempurnakan, kemahiran dan jangkaan para subordinat, persekitaran organisasi, pengalaman-pengalaman lalu pemimpin dan para subordinat dan seterusnya (Hizam, Jaafar dan Zafir, 2000).

Menurut Ab. Aziz (2003) seseorang individu yang merupakan pemimpin yang efektif dalam situasi mungkin berprestasi paling buruk dalam satu situasi yang lain. Tanggapan ini telah melahirkan pendekatan-pendekatan luar jangka terhadap kepimpinan, yang mencuba menetapkan faktor-faktor situasi yang menentukan bagaimana efektifnya sesuatu gaya kepimpinan.

### **4. Kepentingan kepimpinan**

Menurut Ab. Aziz (2003) banyak pandangan mengenai kepentingan kepimpinan samada yang bersetuju atau tidak. Walaupun apa yang diperkatakan kebanyakan orang bersetuju bahawa pemimpin tetap dikehendaki seperti pandangan dari Katz dan Kahn mengemukakan lima faktor kepentingan kepimpinan dalam organisasi, samada organisasi yang besar atau pun kecil.

#### **i) Rekabentuk Organisasi Yang Kurang Sempurna**

Organisasi dan masyarakat tidaklah dibentuk selengkapnya sehingga segala perkara telah ditentukan panduannya. Tingkahlaku sebenar setiap hari adalah lebih kompleks daripada yang terdapat dalam aturan dan peraturan bertulis organisasi. Ini dapat dilihat, bahawa subordinat akan melaksanakan tugas semata-mata kerana mengikut peraturan sahaja akan membawa kepada sengketa. Oleh sebab itu, organisasi memerlukan pemimpin yang boleh mempunyai budi bicara dalam menghadapi ketidaklengkapan sesuatu organisasi. Contohnya dalam sebuah sekolah guru besar merupakan pemimpin yang dapat mengawal subordinatnya dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh sekolah.

#### **ii) Kepimpinan Sebagai Fungsi Sempadan**

Organisasi juga tidak lengkap dari segi hubungan antara subsistemnya sendiri dan juga dengan persekitaran luarannya. Dalam hal ini pemimpinlah yang memainkan peranan menghubungkan dan menyelaraskan antara unit dan subsistem dengan struktur luar persekitarannya. Ini bermaksud kepimpinanlah yang berfungsi sempadan. Contohnya, apabila terdapat keretakan atau masalah antara bahagian dalam sistem maka semakin tinggilah budi bicara pemimpin untuk bertindak.

**iii) Keadaan Persekitaran Yang Sentiasa Berubah**

Organisasi adalah merupakan sistem terbuka. Persekitaran pula sentiasa berubah seperti teknologi, undang-undang, kebudayaan, iklim dan juga kefahaman. Oleh yang demikian, bagi membolehkan organisasi mengekal dan menjalankan hubungan pada sesuatu masa, ia memerlukan perubahan. Maka pemimpinlah merupakan satu-satunya pihak yang mesti peka dengan persekitaran supaya organisasi yang dipimpinnya terus dinamik bersesuaian dengan masa dan keadaan.

**iv) Dinamik Dalaman Organisasi**

Di dalam organisasi terdapat pertumbuhan yang dinamik. Untuk itu, organisasi perlu meluaskan pengaruhnya ke dunia luar yang berkaitan dengannya. Ini memerlukan perubahan dalam organisasi itu sendiri. Bila organisasi hendak memperluaskan kawalannya, terdapat persekitaran maka akan muncul fungsi baru dan struktur baru yang lebih kompleks supaya selaras dengan dasar yang baru juga. Ini bukan sahaja memerlukan penyelarasan berterusan tetapi juga perubahan yang berterusan dalam organisasi, sejajar dengan matlamat dan hasrat organisasi tersebut. Ini hanya boleh dilakukan melalui kepimpinan yang dinamik.

**iv) Tabii Keanggotaan Manusia Dalam Organisasi**

Salah satu anggota organisasi ialah manusia. Manusia bukanlah menjadi anggota organisasi sahaja tetapi mereka dipenuhi dengan aktiviti lain di luar organisasi. Kegiatan luar ini kadangkala memberi kesan langsung kepada tingkahlaku dalam organisasi. Oleh itu, peranan kepimpinan perlu ada untuk mengawal kelakuan manusia dari masa ke semasa

Setelah kepentingan kepimpinan kita kaji, mari kita lihat rajah gaya-gaya kepimpinan yang dikaji oleh Universiti of Michigan di Ohio State.

**5. Gaya Kepimpinan.**

Menurut Yaakob (1989) gaya kepimpinan berasaskan kepada bagaimana seseorang pemimpin itu menggunakan autoritinya. Tiga gaya asas telah dapat dikenal pasti iaitu gaya autokratik, gaya demokratik dan gaya *laissez-faire*. Gaya pertama, pemimpin yang autokratik merupakan sebarang yang dogmatik dan positif, memerlukan stafnya untuk menurut perintah yang diarahkannya, dan memimpin mengikut kebolehannya untuk memberi atau menarik balik ganjaran kerja serta hukuman.


Gaya kedua, pemimpin yang demokratik pula menggalakkan penglibatan dan penyertaan dan staf mereka tentang tindakan dan pembuatan keputusannya. Gaya terakhir adalah kepimpinan bercorak *laissez-faire* yang melibatkan pemimpin yang sedikit sekali menggunakan kuasanya dan memberi staf penuh kebebasan untuk mengendalikan kerja mereka.

Pemimpin sedemikian biasanya memberi kebebasan kepada pekerja untuk menentukan matlamat mereka tersendiri serta cara-cara mencapainya. Ia juga melihat peranannya sebagai memberi panduan kepada terlaksananya operasi-operasi stafnya dengan memberi maklumat berhubung dengan persekitaran luaran kumpulan pekerjaanya (Jaafar, Hizam dan Zafir, 2000).

Manakala menurut Ab. Aziz (2003) kebanyakan daripada kajian tentang gaya kepimpinan mengikut sistem pengurusan klasik menunjukkan, anggapan bahawa pekerja pada dasarnya dilihat oleh pemimpin sebagai salah satu faktor pengeluaran. Dengan ini, gaya pengurusan untuk mencapai output biasanya berat sebelah, sama ada mereka menekankan daya pengeluaran ataupun mereka menekankan kepuasan atau hal-ehwal pekerja semata-mata.

Pakar-pakar penyelidik di Pusat Penyelidikan Universiti Michigan, Amerika Syarikat, telah membentuk suatu model kelakuan kepimpinan berasaskan dua dimensi iaitu, mereka menggunakan konsep berorientasikan pengeluaran (kerja) dan berorientasikan pekerja untuk menerangkan model tersebut Pemimpin yang berorientasikan kerja mementingkan kerja yang dilakukan, manakala pemimpin yang berorientasikan pekerja lebih mengutamakan penubuhan kerja dan terjalannya perhubungan peribadi di kalangan pekerja (Ab. Aziz, 2003).

**Jadual 1: Kuadran Kajian Ohio State University**



Dengan adanya gaya kepimpinan yang baik dan berkesan, Kementerian Pendidikan Malaysia akan dapat merealisasikan RMK-9 yang lebih menekan kepada modal insan yang bersesuaian dengan perkembangan era masa kini. Oleh yang demikian, mari kita lihat dengan lebih terperinci hubungan modal insan dengan kepimpinan pendidikan di Malaysia untuk RMK-9.

## 6. Pengenalan Kepada Modal Insan

Dalam perutusan YAB Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi (2006), beliau telah berucap mengenai modal insan, seperti petikan di bawah:

*“Modal insan yang berkualitii adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan. Kerajaan dan rakyat harus bersama-sama mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen. Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insane negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat.”*

Bila kita hayati petikan ucapan dari YAB Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi itu, kita sedar bahawa rakyat merupakan aset yang paling berharga bagi sesebuah negara. Dengan adanya modal insan, aset negara yang bernilai itu boleh disuntik nilainya, dapat ditingkatkan inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan adalah pemangkin bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Malah pembangunan modal insan perlu

dirancang dengan rapi bagi melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing dan mencukupi dengan keperluan negara untuk abad ke-21. Malah pembangunan modal insan ini juga bersesuaian dengan kehendak industri dan pasaran untuk masa akan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

## **7. Pembangunan Modal Insan Dalam Pendidikan**

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, keperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju untuk abad ke-21. Modal insan yang ingin dihasilkan oleh Perdana Menteri Malaysia adalah yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran yang lebih global dan sering berubah-ubah (Marzita, 2006).

Menurut Hasani (2006) Kementerian Pendidikan Malaysia diberikan tugas yang berat sebagai pemimpin yang dapat menghasilkan generasi muda Malaysia berpontensi, mempunyai pelbagai kemahiran serta dapat membentuk ciri-ciri keperibadian dan perspektif hidup yang membolehkan mereka berjaya dalam kehidupan dan mampu memajukan lagi negara di mata dunia, selari dengan hasrat dan Falsafah Pendidikan Negara.

Falsafah pendidikan Negara memberikan gambaran yang jelas dalam membentuk individu yang ingin dihasilkan melalui sistem pendidikan iaitu individu yang seimbang dari segi intelektual, emosi, jasmani dan rohani. Ini dapat merupakan tonggak utama dalam pendidikan negara:

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan Negara.*

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1993)

Seperti yang kita setia maklum bahawa misi dan visi pendidikan di Malaysia adalah berjurusan kepada Wawasan 2020. Ini bermaksud kerajaan ingin membentuk sebuah masyarakat yang maju pada abad ke-21. Oleh yang demikian, bidang pendidikan telah menghadapi tugas yang berat dan besar bagi memartabatkan bangsa Malaysia bagi mencapai kejayaan. Manakala misi pendidikan:

*Mewujudkan sistem pendidikan yang terbaik demi menghasilkan insane yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu, masyarakat dan Negara.*

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1993)

Justeru itu visi pendidikan adalah pemahaman dan penghayatan Falsafah Pelajaran Negara dan misi pendidikan berdepan dengan cabaran masa depan melalui praktis dan amalan di sekolah. Penghayatan dan pegangan ini diterjemahkan dalam pelbagai bentuk seperti perkhidmatan penyayang, budaya cemerlang, peningkatan akuantabiliti, pengurusan yang cekap dan berkesan serta amalan pendidikan yang berpandukan ilmu dan akhlak.

Oleh yang demikian, kurikulum merupakan bahan utama dalam proses pendidikan. Manakala peranan kepimpinan pendidikan sebagai agen pelaksana visi dan misi pendidikan di

Malaysia perlu memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan aspek-aspek yang turut membantu seperti persekitaran, budaya sekolah dan tenaga pengajar (Aziah, Yaakob dan Yahya 2006).

#### **8. Fokus Pembangunan Modal Insan Kementerian Pendidikan Malaysia**

Bagi mencapai dasar dan matlamat RMK-9, KPM telah mengfokuskan beberapa objektif dalam pembangunan modal insan sepanjang tempoh RMK-9, iaitu:

- Mengadakan lebih banyak pilihan kepada ibu bapa dan pelajar;
- Meningkatkan keupayaan dan minat pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran;
- Membentuk keterampilan dan keperibadian pelajar melalui:
  - pemantapan kurikulum
  - pemantapan program kokurikulum
  - pemantapan program sukan
  - pembudayaan adab dan budi bahasa
  - pengukuhan program 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan)
  - pengukuhan disiplin pelajar
- Memantapkan dan memperbaharui sistem pentaksiran dan penilaian pelajar.

Objektif ini menjadikan para pendidik mempunyai tanggungjawab yang begitu jitu bagi merealisasikan impian negara untuk melahirkan insan yang lebih, gemilang dan terbilang di mata dunia. Sekarang kita melihat pembangunan modal insan dan kepimpinan di sekolah-sekolah Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

#### **9. Modal Insan**

Menurut Yahya, Aziah dan Yaakob, (2006) matlamat persekolahan mencorak dan membentuk sumber manusia yang berpotensi menjana pembangunan negara. Bagaimanapun isu ini menjadi persoalan kerana sistem persekolahan yang berfungsi mengembangkan potensi manusia masih menjadi tanda Tanya. Masalah ini menyebabkan berlaku pembaziran bakat yang dimiliki oleh pelajar dan generasi muda di Malaysia.

Bagi menangani isu ini, penekanan kepada aspek pembangunan modal insan perlu dalam sistem persekolahan. Ini termasuk kepada penekanan kepada aspek penguasaan kemahiran, pengetahuan yang relevan, proses sosialisasi sistem persekolahan, meningkatkan pengetahuan dan kecekapan guru, motivasi ke atas pelajar dan guru, meningkatkan kemudahan pembelajaran, susunan pembelajaran yang konduktif dan sebagainya.

Di sini, kepimpinan sekolah mempunyai tanggungjawab yang besar bagi pembangunan modal insan ini. Ini kerana jika sekolah itu mempunyai daya kepimpinan yang berwibawa seperti gaya kepimpinan yang telah diterangkan seperti di atas, sekolah tersebut dapat melaksanakan pembangunan modal insannya dengan jayanya. Bukan itu sahaja, kepimpinan sekolah harus sedar aspek kreativiti dan inovasi dalam sistem persekolahan penting bagi pembangunan modal insane. Tujuan belajar di sekolah pada umumnya memberikan pengetahuan dan mengembangkan kemahiran yang relevan dengan keperluan persekitaran semasa (Hussein, 1993).

Sistem persekolahan yang sentiasa menghadapi pelbagai perubahan dan pembaharuan, memerlukan peningkatan inovasi dan kreativiti dalam sistem persekolahan. Ini kerana ia merupakan institusi yang berkesan bagi merangsang dan mengembangkan potensi pelajar.

Malah dalam dunia yang global ini kreativiti dan inovasi dianggap bidang kemahiran dan profesion yang penting bagi mencorak kualiti modal insan. Modal insan yang kreatif dan

berinovasi, merupakan aset penting kepada kejayaan sesebuah syarikat dan juga organisasi. Kepimpinan sekolah perlu berusaha untuk membentuk modal insan yang kreatif dalam sistem persekolahan bagi meningkatkan kemajuan dan kejayaan dalam bidang pendidikan (Aziah, Yaakob dan Yahya 2006).

Menurut Yahya (2006) teori ekonomi juga memainkan faktor dalam membentuk modal insane dalam sistem persekolahan di Malaysia. Ini selaras dengan pendapat pakar ekonomi mengenai kepentingan sumber manusia sebagai faktor pengeluaran dan modal manusia. Oleh yang demikian, keperluan bagi memajukan modal insane dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kecekapan, kemahiran dan produktiviti.

Menurut Hussein (1993) kepimpinan di sekolah perlu berusaha dalam membentuk tenaga pengajar yang mahir, professional, kreatif dan inovatif secara berterusan. Idea strategi dan pendekatan kreatif dan inovatif dalam sistem persekolahan perlu dikembangkan di kalangan tenaga pengajar, sekolah dan sistem pelajaran itu sendiri.

Manakala menurut Aziah, Yaakob dan Yahya (2006) pelbagai langkah telah di ambil bagi melaksanakan modal insan yang berkualiti bagi pembangunan dan kemajuan negara selaras dengan wawasan 2020 dan matlamat pelajaran negara adalah:

- Memperkembangkan kecerdasan yang lebih tertumpu kepada penggunaan teknologi seperti komputer, media, peralatan dan reka bentuk pembelajaran dan kemahiran hidup berdasarkan ketangkasan fizikal dan kecerdasan lain (IQ, EQ dan SQ).
- Literasi komputer seperti Internet, laman web, program pendidikan jarak jauh (PJJ) yang berasaskan teknologi telekomunikasi, telekonfrensi, modul pembelajaran terancang dan pembelajaran terancang dan pembelajaran sepanjang hayat.
- Kemahiran berfikir menjadi asas kepada pembangunan pelajaran yang bersifat inovatif dan kreatif di sekolah. Penekanan aspek ini dalam sistem persekolahan membolehkan percambahan pemikiran berlaku dan pelajar dapat berfikir dan membuat keputusan dengan lebih rasional, bertimbang rasa dan lebih objektiviti.

## **10. Pemantapan Kurikulum dan Kokurikulum**

- **Kurikulum**

KPM telah berusaha bagi memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar melalui mata pelajaran khusus seperti Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Ini dapat dilihat pada tahun 2005, mata pelajaran Pendidikan Islam dimantapkan lagi melalui pengenalan programj-QAF secara berperingkat di sekolah rendah. Mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan juga telah diperkenalkan pada tahun 2005 kepada pelajar Tahun 4 dan Tingkatan 1, bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar terhadap peranan, hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. Cabaran bagi kepimpinan KPM adalah untuk memastikan kurikulum yang dibangunkan dapat membentuk sahsiah pelajar agar menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan berdaya saing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

- **Kokurikulum**

Aktiviti kokurikulum dan sukan adalah pemangkin dan pelengkap kepada pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah. Dasar mengenai pelaksanaan program kokurikulum dan sukan di sekolah bermula melalui penggubalan peraturan-peraturan pendidikan sekolah 1956. dalam peraturan ini program kokurikulum dan sukan disebut sebagai kegiatan kumpulan meliputi aktiviti-aktiviti seperti kelan, olahraga dan permainan, persatuan dan sebagainya. Kepimpinan KPM dilihat melalui cabaran dalam memantapkan program kokurikulum dan sukan, memastikan

pelaksaaannya dibuat secara cekat bagi mendapat penyertaan menyeluruh agar dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan inteleknya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

#### **11. Pengukuhan budaya sekolah**

Pembentukan budaya sekolah yang positif dan cemerlang melalui pengukuhan aktiviti-aktiviti kokurikulum dan interaksi di dalam sekolah melahirkan nilai-nilai cintakan ilmu, penyayang, prihatin, toleransi dan perpaduan.

#### **12. Peningkatan kualiti guru**

Mempertingkatkan usaha pengukuhan kecekapan dan profesionalisme, pensiswazahan guru, penubuhan Institusi Perguruan dan sebagainya. Ini merupakan usahaja kerajaan bagi meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia.

#### **13. Persekitaran Pembelajaran Dalam Modal Insan**

Persekitaran pembelajaran dalam pembangunan modal insan dalam sistem persekolahan, lebih kepada inovasi yang berlaku di negara ini dan diseluruh dunia. Contohnya persekitaran pendidikan yang mendesak kepada perubahan penghasilan sumber manusia melalui wawasan 2020.

Bila bercakap mengenai wawasan ini, ia mengandungi gagasan pemikiran dan ideologi politik yang mempengaruhi sistem pelajaran bagi membentuk sumber manusia yang boleh menghadapi cabaran walau bagaimana keadaan sekalipun (Mohd Salleh, 2002).

Manakala jika dilihat dari aspek persekitaran ekonomi pula, pembangunan modal insan dalam sistem persekolah lebih menekankan kepada k-ekonomi. Ini merujuk kepada kepimpinan sekolah yang perlu memastikan dan menyediakan pendidikan yang berkualiti dan futuristik bagi mencorak pembangunan dan kekuatan sumber manusia (Aziah, Yaakob dan Yahya 2006).

Menurut Aziah, Yaakob dan Yahya (2006) pasaran buruh dan guna tenaga dalam era k-ekonomi memerlukan manusia yang berpengatahuan, berkemahiran, berinovasi, berbudi pekerti, berhemah, amanah, mengamalkan nilai-nilai mulia di samping mempunyai kreativiti. Malah, wawasan 2020 juga memerlukan sistem persekolahan dalam membentuk dan melahirkan tenaga kerja yang kreatif dan lebih berinovasi. Ia amat penting bagi menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti dan sanggup menghadapi cabaran yang berlaku.

Penekanan pada sistem persekolahan hari ini adalah usaha bagi menggalakkan daya cipta di kalangan pelajar bagi melahirkan sumber manusia yang lebih berdaya saing dan berinovasi. Usaha meluaskan inovasi dan kreativiti dalam pembelajaran di sekolah telah dijalankan sejak dulu lagi. Mata pelajaran itu sendiri yang mempunyai pengaruh yang luas dalam membentuk pelajar yang berinovasi dan kreatif, sesuai dengan keperluan persekitaran ekonomi dan kemajuan semasa (Aziah, Yaakob dan Yahya, 2006).

Menurut Ab. Aziz (2004) persekitaran lain dalam sistem persekolahan dalam konteks pembangunan sumber manusia. Ia merupakan proses transformasi sumber manusia daripada mementingkan pengeluaran kepada sumber manusia yang berpengetahuan. Persekitaran ini juga telah meletakkan sistem persekolahan hari ini ke arah mengatasi pengaruh persekitaran seperti pengaruh sistem sosial, politik dan ekonomi. Sumber manusia yang berpengatahuan atau k-sumber manusia, merupakan asas bagi membina sumber manusia yang berkualiti dan produktif.

Bagi mencapai matlamat ini sistem persekolahan di Malaysia perlulah bersikap efektif dengan memberi penekanan kepada usaha-usaha yang mengembangkan kreativiti dan inovasi bagi melahirkan sumber manusia yang berpengatahuan, kreatif dan juga inovatif (Aziah, Yaakob dan Yahya 2006).



Prosiding “Seminar Pembangunan Modal Insan 2009”, Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pada: 23 – 24 Mac 2009. Tempat: Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.

Malaysia juga perlu merangsangkan pertumbuhan ekonomi, serta menyediakan peluang-peluang pembangunan dengan lebih terbuka berdaya saing serta dalam masa yang sama membendung ancaman global, pengawalan mata wang dan sebagainya ( Ab. Aziz, 2004) .

Oleh yang demikian, ia memerlukan usaha yang lebih gigih pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam membentuk dan menghasilkan sumber manusia yang selari dengan perubahan persekitaran sumber manusia yang selari dengan perubahan persekitaran dan matlamat negara ke arah merealisasikan wawasan 2020, matlamat pendidikan negara dan Falsafah Pelajaran Negara.

#### **14. Kesimpulan**

Pada keseluruhannya, tajuk ini membincangkan mengenai kepimpinan dalam pembangunan modal insan dalam pendidikan di Malaysia. Tajuk ini juga membincangkan mengenai, ciri, gaya dan kepentingan kepimpinan bagi membentuk individu yang berketrampilan dan boleh menjalankan tugas dengan lancar. Tajuk ini juga menyentuh persekitaran yang memengaruhi penghasilan dan pengurusan sumber manusia yang mempunyai hubungan dengan pembangunan modal insan. Akhir sekali tajuk ini juga mempertengahan aspek kepimpinan dalam persekitaran sumber manusia dalam persekolahan di Malaysia yang perlu diamalkan oleh kepimpinan sekolah dan guru-guru ke arah keberkesanan penjana modal insan yang berkualiti bagi mencapai Misi Nasional dan RMK-9.

#### **RUJUKAN**

- Ab. Aziz Yusof. (2004). “Pengurusan Sumber Manusia: Konsep, Isu dan Pelaksanaan”. (Edisi Kedua). Petaling Jaya. Prentice Hall.
- Ab. Aziz Yusof. (2003). “Gelagat Organisasi: Teori, Isu dan Aplikasi”. Petaling Jaya. Prentice Hall.
- Aziah, Yaakob dan Yahya. (2006). “Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar Sekolah di Malaysia”. Batu Caves Selangor. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Hasani. (2006). “Modal Insan: IPTS Memainkan Peranan”. Utusan Malaysia.
- Hizam, Jaafar dan Zafir. (2000). “Pengantar Pengurusan. Kuala Lumpur”. Leeds Publications.
- James, A.F. Stoner dan Wankel, C. (1989) “Pengurusan” . Edisi ketiga. Penterjemah Yaakob Ibrahim. Petaling Jaya. Amiza publishing Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). “Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010”. <http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=home&bhs=my>. Tarikh capaian 17hb Februari 2007.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1993). “Falsafah Pendidikan Negara”. <http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=falsafah&bhs=my>. Tarikh capaian 18hb Februari 2007.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1993). “Misi Pendidikan Negara”. <http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=misi&bhs=my>. Tarikh capaian 18hb Februari 2007.
- Marzita. (2006). “Semua Bersiap Sedia Hadapi RMK-9”. Utusan Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar (2002). Perancangan pendidikan: Peringkat sekolah dan IPT. Kuala Lumpur. Utusan Publication dan Distributor Sdn. Bhd.
- Yahya Don (2005). Kepimpinan Pendidikan Di Malaysia. Batu Caves Selangor. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.